

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI KHAMIS, 4 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 8**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1311-L53621  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah jangka panjang yang dicadangkan oleh Kerajaan bagi memastikan bekalan air ke sawah padi di kawasan Rancangan Pengairan Kemubu (KADA) tidak akan terjejas akibat '*pumping system*' yang sentiasa gagal berfungsi kerana paras air Sg Kelantan sering berada di bawah paras yang diperlukan.
2. PR-1311-L54050  
**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah atau tindakan yang telah diambil oleh Kementerian tersebut terhadap tapak pelupusan sisa toksik, Pusat Kualiti Alam di Bukit Nenas, Negeri Sembilan yang dipercayai akan menjelaskan kesihatan penduduk sekitar serta menyebabkan pencemaran alam sekitar yang serius.
3. PR-1311-L53879  
**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sekiranya tindakan sewajarnya telah dikenalpasti terhadap beberapa blog yang didapati menggunakan bahasa yang berbaur hasutan dan fitnah yang melampau sehingga boleh menimbulkan keadaan huru-hara serta mengganggu-gugat kestabilan politik Negara.
4. PR-1311-L53903  
**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan 'exit' MEX di Seri Kembangan termasuk jumlah kos projek ini, kadar tol yang akan dikenakan dan tarikh projek ini dijangka disiapkan.
5. PR-1311-L53144  
**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah kawalan keselamatan di perairan pantai Timur Sabah bagi memastikan negara tidak mudah dicerobohi oleh anasir luar seperti yang dilakukan oleh tentera Kesultanan Sulu dan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan kejadian yang sama tidak berulang.

6. PR-1311-L54766  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada wujud perancangan untuk memanggil semula panel antarabangsa International Atomic Energy Agency (IAEA) ke Kuantan untuk mengkaji kesan (*impact*) pemprosesan loji Lynas di Gebeng, ke atas alam sekitar setelah ia mula beroperasi menggunakan lesen sementara TOL.
7. PR-1311-L53186  
**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :
  - (a) sumber-sumber pendapatan negara mengikut kategori dan jumlahnya bagi tahun 2012 dan suku pertama 2013; dan
  - (b) apakah strategi dan langkah Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan negara.
8. PR-1311-L53947  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah hakisan tanah di projek pembangunan di Bukit Gasing sebelah Kuala Lumpur oleh Pemaju Gasing Meridian Sdn. Bhd.
9. PR-1311-L53060  
**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
  - (a) sejauh manakah sasaran pembangunan belia dan sukan menyediakan kemudahan latihan untuk belia bagi melengkapkan mereka menjadi aset penting dalam pembangunan negara; dan
  - (b) apakah usaha untuk memperkuatkan aspek kejurutarian, kemahiran pengadilan serta penyediaan kemudahan sukan bagi melahirkan generasi atlet yang akan mengharumkan nama negeri dan negara.
10. PR-1311-L53576  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan yang diambil dalam mengawal selia aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram.
11. PR-1311-L54964  
**Tuan Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk mewajibkan semua kakitangan Awam di negara ini megikuti Kursus Ketatanegaraan sebagai syarat kenaikan pangkat.

12. PR-1311-L53792  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimana sokongan pihak Kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan sektor swasta dalam memastikan keseimbangan pembangunan kemudahan sukan dan penyelenggaraannya.
13. PR-1311-L55014  
**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan daya inovasi dan kreativiti merupakan kriteria penting untuk menjana modal insan yang berkualiti. Apakah usaha-usaha yang dibuat bagi memastikan peningkatan daya inovasi dan kreativiti masyarakat luar bandar khususnya pelajar-pelajar.
14. PR-1311-L53851  
**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah wang yang dibayar oleh Kerajaan kepada Penyelaras Kawasan Parlimen bagi kawasan Parlimen Padang Serai dan secara terperinci bagaimana wang ini telah dibelanjakan.
15. PR-1311-L54120  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian, yang telah atau yang akan dilaksanakan untuk memantapkan ekonomi golongan Bumiputera dalam bidang Ekonomi dan Perusahaan. Apakah hasil keberkesaanan usaha Kerajaan seperti TERAJU. Adakah pihak Kementerian mempunyai data menunjukkan hasil daripada TERAJU.
16. PR-1311-L54520  
**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa PETRONAS sebagai syarikat minyak dan gas negara mempunyai stok harta tanah berjumlah RM330 juta untuk dijual pada tahun 2011 sedangkan syarikat pemaju SP Setia hanya mempunyai RM19 juta stok harta tanah untuk dijual pada tahun 2012.
17. PR-1311-L53213  
**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelaksanaan gaji minimum dan umur persaraan minimum bagi pekerja sektor swasta dan sehingga kini, berapa jumlah syarikat sektor swasta yang telah melaksanakan dasar tersebut.
18. PR-1311-L54566  
**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan yang ketidaksanggupan menawarkan pengajian tinggi secara percuma bagi membolehkan semua anak muda berpeluang menjalani menara gading, sebaliknya membebankan para pelajar dengan hutang PTPTN sebaik sahaja menamatkan pelajaran mereka.

19. PR-1311-L53370  
**Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes jenayah rompak dan samun yang berlaku lima tahun yang lalu. Bagaimanakah prestasi pasukan rondaan bermotosikal pihak polis dalam menangani masalah jenayah.
20. PR-1311-L54117  
**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
  - (a) nisbah perbandingan nilai kontrak-kontrak 'konvensional' dengan 'projek reka-bina' dalam tempoh 5 tahun lalu; dan
  - (b) jumlah berlebihan keseluruhan (*cost-overrun*) yang dialami pada 'projek reka-bina' yang telah siap pada masa yang sama.
21. PR-1311-L53502  
**Datuk Joseph Salang Gandum [ Julau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak di mana pengundi majoritinya terdiri daripada kaum Iban tidak akan berkurangan dari segi peratusan keseluruhan kerusi DUN Sarawak selepas perempadanan semula kawasan Parlimen mahu pun DUN.
22. PR-1311-L53585  
**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bilangan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang diberikan sejak tahun 2010 mengikut pecahan kaum.
23. PR-1311-L53744  
**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan fakta sebenar pencerobohan di Lahad Datu dan apakah serta bilakah tindakan akan diambil ke atas mereka yang terlibat dengan pencerobohan ini.
24. PR-1311-L53908  
**Tuan Ahmad Mar Zuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status kemajuan pembinaan lebuh raya baru Kuala Lipis-Gua Musang. Berapakah jumlah kenderaan yang melalui jalan sedia ada dan jumlah kenderaan yang terlibat dalam kemalangan.
25. PR-1311-L53760  
**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam membangunkan sekolah-sekolah pondok di seluruh Malaysia.
26. PR-1311-L54859  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang mempunyai Kad Pengenalan Merah pecahannya dari segi kaum, serta sebab-sebabnya dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini serta jangka masa yang dicadangkan untuk tujuan ini.

27. PR-1311-L53148  
**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah kementerian akan memberi peruntukan yang mencukupi kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam menangani masalah berikut: -
- (a) membina tembok batu bagi mengatasi masalah tebing rebak di sepanjang tebing Sungai Perak yang amat berbahaya kepada penduduk setempat; dan
  - (b) membina parit dan longkang bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku akibat hujan yang lebat dan lama.
28. PR-1311-L54460  
**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis-jenis subsidi yang telah diberikan kepada petani-petani di bahagian Sarikei. Adakah subsidi-subsidi tersebut akan terus diberikan kepada petani-petani kelak.
29. PR-1311-L54507  
**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan syarikat-syarikat swasta termasuklah GLC untuk mewujudkan skim latihan sambil kerja untuk siswazah-siswazah menganggur yang kian meningkat setiap tahun.
30. PR-1311-L53793  
**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah bidang-bidang kurikulum terbaru yang telah diperkenalkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi awam sejak tahun 2010 hingga 2012.
31. PR-1311-L53737  
**Tuan William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dengan mengambil iktibar insiden bot karam di hilir Belaga, Kapit baru-baru ini, adakah Kerajaan sedar bahawa pembangunan infrastuktur di kawasan Sarawak dan Sabah adalah jauh tidak seimbang dengan yang di Semenanjung Malaysia. Dan apakah pelan atau langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan dalam mengatasi ketidakseimbangan ini dalam tempoh 5 tahun yang akan datang.
32. PR-1311-L54665  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian menyemak semula sistem Pentaksiran Berdasarkan Sekolah (PBS) berikutan aduan NUTP bahawa PBS membebankan guru-guru.
33. PR-1311-L54207  
**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang lebih tegas diambil kepada pengusaha-pengusaha sumber asli yang membawa pencemaran sungai-sungai di negara ini.

34. PR-1311-L53928  
**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian bersedia untuk mempertimbangkan cadangan untuk mengembalikan sekolah aliran Inggeris dalam sistem pendidikan negara dan langkah-langkah ke arah tujuan tersebut.
35. PR-1311-L53549  
**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) apakah pendirian Kementerian berhubung isu pembinaan tebatan banjir di Kg. Jawa, Segamat, Johor yang mendapat bantahan penduduk kerana cadangan lokasi pembinaannya yang tidak sesuai; dan
  - (b) apakah tindakan susulan yang dilakukan oleh Kementerian demi memastikan perlaksanaan tebatan banjir tersebut dipercepatkan.
36. PR-1311-L54804  
**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan bersikap '*accountable*' kepada rakyat yang berhak terhadap aset nasional, dengan membentangkan perjalanan dan laporan kewangan Petronas.
37. PR-1311-L54641  
**Datuk Chua Tee Yong [ Labis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan syarat-syarat untuk memohon pinjaman *Young Entrepreneur Fund* seperti mana yang diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam pembentangan Bajet 2013. Setakat ini berapa ramaikah bilangan pemohon yang diterima dan bilangan kelulusan serta jumlah nilai pinjaman yang diberikan.
38. PR-1311-L54236  
**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua[ Batu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah tarikh mula pembinaan dan tarikh jangkaan siap sepenuhnya membina bangunan Sekolah Kebangsaan Seri Perak Bandar Baru Sentul.
39. PR-1311-L53718  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah jumlah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia) yang diwujudkan telah dibelanjakan. Apakah impak dan kesan positif terhadap program berkenaan setakat kini.
40. PR-1311-L53501  
**Tuan Seah Leong Peng [ Telok Intan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa hingga kini pembinaan Sekolah Menengah Kampung Bahagia Teluk Intan masih belum dilakukan sedangkan peruntukan sebanyak RM27 juta telah diumumkan pada Februari 2012 oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri.

41. PR-1311-L54622  
**Dato' Abd. Aziz bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Klinik 1Malaysia akan diletakkan di bawah kawalan seorang doktor dan bukannya seorang pembantu perubatan seperti pada masa ini. Nyatakan juga tahun jangkaan kesemua klinik 1Malaysia akan diletakkan seorang doktor perubatan.
42. PR-1311-L53240  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang garis panduan Kementerian untuk memilih pelajar-pelajar masuk ke matrikulasi:-
  - (a) adakah garis panduan ini mengikuti sistem kuota kaum; dan
  - (b) nyatakan jumlah rayuan yang diterima pada tahun ini daripada pelajar-pelajar pencapaian cemerlang dan di antaranya, berapa rayuan pelajar telah berjaya.
43. PR-1311-L53604  
**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap profesionalisme perkhidmatan ambulans dan kecemasan di negara ini seperti anggota-anggota paramedik yang terlatih agar setanding dengan kualiti perkhidmatan di negara-negara maju.
44. PR-1311-L54821  
**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bolehkah rancangan untuk membina jalan Persisiran Pantai Bandar Tawau-Batu 4 Jalan Apapas akan dilaksanakan. Apakah rancangan dan berapakah peruntukan yang ada untuk memperbaiki jalan-jalan utama di Sabah.
45. PR-1311-L54876  
**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status kurikulum Sekolah Memandu baru serta apakah tindakan Kementerian dalam memberi lesen kepada sekolah memandu tetapi sekolah memandu ini gagal memberi perkhidmatan yang baik.
46. PR-1311-L54452  
**Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan strategi-strategi dan insentif-insentif Kerajaan untuk memajukan industri ikan hiasan yang giat diusahakan di negara kita.

47. PR-1311-L53117

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

- (a) berapa lamakah lagi masa yang diperlukan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memenuhi lot-lot kosong di Keramat Mall dan bilakah Pusat Transformasi Bandar (UTC) akan mula beroperasi di Keramat Mall; dan
- (b) apakah langkah tambahan yang akan dilaksanakan untuk membela nasib peniaga-peniaga dan penyewa-penyewa yang telah beroperasi di Keramat Mall sementara menunggu kedua-dua perkara di atas dilaksanakan.

48. PR-1311-L53114

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keputusan terkini laluan baru keretapi ke Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan bilakah pembinaan akan bermula.

49. PR-1311-L54770

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membina sebuah Balai Bomba dan Penyelamat di daerah Asajaya di Bahagian Samarahan. Sebagai sebuah daerah kini, Asajaya belum mempunyai sebuah Balai Bomba dan Penyelamat dan semua kes kebakaran akan dirujuk ke balai bomba yang berdekatan di Kota Samarahan.

50. PR-1311-L53808

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapakah kos keseluruhan yang dibelanjakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi menyediakan dakwat yang digunakan ke atas jari pengundi dalam Pilihan Raya Umum ke 13 yang lalu; dan
- (b) syarikat manakah yang diberi kontrak untuk menyediakan dakwat tersebut.

51. PR-1311-L53109

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) jumlah rakyat Filipina dan Indonesia yang telah diberikan kerakyatan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah sejak tahun 1990 hingga kini; dan
- (b) adakah pemberian kewarganegaraan ini mengikut prosedur dan undang-undang sedia ada. Sekiranya tidak, siapa yang bertanggungjawab.

52. PR-1311-L53075  
**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Kekurangan Guru di SJKC yang ditubuhkan oleh Jemaah Menteri pada 22 Februari 2012. Apakah status terkini pelaksanaan strategi jangka panjang dan pendek serta pelan tindakan yang telah dipersetujui.
53. PR-1311-L54359  
**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bagi mempromosi pelancongan di Parlimen Kota Tinggi dan apakah perancangan pada masa akan datang yang akan dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memajukan sektor pelancongan di Parlimen Kota Tinggi.
54. PR-1311-L53386  
**Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kedudukan penyerahan bantuan kewangan untuk sekolah-sekolah Cina, sekolah-sekolah agama bantuan Kerajaan dan sekolah-sekolah mualigh Sabah bagi tahun 2013.
55. PR-1311-L54356  
**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai syarikat penerbangan tambang murah Air Asia yang tidak mementingkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berbanding keuntungan sehingga mereka sanggup menggadaikan soal kebijakan penumpang. Apakah pihak Kerajaan mempunyai peraturan mekanisme tertentu supaya kebijakan pelanggan tidak diabaikan. Contohnya syarikat penerbangan berkenaan mahu menghantar jenazah seorang wanita dari Jogjakarta, Indonesia ke Malaysia baru-baru ini.
56. PR-1311-L53670  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos yang dianggarkan untuk projek Transit Aliran Massa (MRT), keupayaan kontraktor, peringkat pelaksanaan, peluang pekerjaan dan masalah yang dihadapi.
57. PR-1311-L54251  
**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil kepada media-media harian seperti Utusan Melayu yang sentiasa melaporkan berita-berita yang bersifat perkauman.
58. PR-1311-L54231  
**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah apa-apa kajian dibuat tentang impak positif dan negatif kepada penerima "Skim Netbook 1Malaysia" dan sila nyatakan penemuan kajian mengikut rangka umur.

59. PR-1311-L53165  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa lesen kenderaan perdagangan tidak boleh dikeluarkan kepada lori melebihi 10 tahun sungguhpun lori tersebut masih dalam keadaan baik.
60. PR-1311-L53989  
**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian ada membuat langkah pro-aktif untuk membuat kajian impak dan kesan alam sekitar (EIA) berkenaan projek terowong dasar laut yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
61. PR-1311-L54086  
**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan perancangan dan usaha yang dibuat bagi menjadikan Eco-Tourism sepanjang Sungai Linggi sebagai satu tarikan utama pelancong di negara ini.
62. PR-1311-L54574  
**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai status Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) di Batu Berendam yang kurang mendapat sambutan, dan apakah justifikasi cadangan menaiktarafkan LTAM dan penggunaan nama Antarabangsa sedangkan LTAM hanya digunakan dengan kekerapan yang amat berkurangan.
63. PR-1311-L54830  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kerja naik taraf "*Pan Borneo Trunk Road*" bila akan dimulakan dan masa persiapannya. Sila nyatakan jenis naik taraf yang akan dijalankan dan kos yang terlibat. Adakah Kerajaan merancang menaiktarafkan "*Pan Borneo Trunk Road*" kepada lebuh raya.
64. PR-1311-L53699  
**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa pemansuhan Akta Hasutan 1948 yang diumumkan pada bulan Julai 2012 masih belum dilaksanakan.
65. PR-1311-L53046  
**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagi menyediakan *blue-print* pelestarian mesra alam bandar-bandar bersesuaian dengan usaha menghijaukan negara.
66. PR-1311-L54768  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa orang yang muflis disenarai hitamkan oleh Imigresen dan dilarang ke luar negara. Apakah prosedur bagi seseorang muflis untuk keluar daripada status bankrapsi dan apakah Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang untuk memudahkan seseorang yang muflis untuk keluar daripada kemuflisan.

67. PR-1311-L54728  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- apakah usaha Kementerian untuk memantau kualiti kerja penyelenggaraan jalan raya yang telah diswastakan di negeri Sarawak; dan
  - apakah sebab kualiti jalan raya seperti Jalan Bintulu-Miri dan Jalan Bintulu-Sibu yang telah diselenggara masih amat tidak memuaskan sehingga mengugat keselamatan pengguna jalan raya
68. PR-1311-L53193  
**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjung ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk melarang restoran-restoran atau kedai-kedai makan terus mengutip caj perkhidmatan (*service charge*) yang bukannya bersifat cukai perkhidmatan demi meringankan beban pelanggan memandangkan ada antaranya telah dilesenkan untuk mengutip cukai perkhidmatan.
69. PR-1311-L54711  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- tarikh syarikat penerbangan Malindo diberikan lesen penerbangan; dan
  - sebab Malindo diberikan kelulusan walaupun ibu syarikat Malindo, NADI tidak menyerahkan penyata kewangan kepada SSM dan Lion Air tidak mempunyai rekod keselamatan penerbangan yang baik.
70. PR-1311-L53543  
**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- adakah perancangan untuk menambah baik kemudahan di pusat pelancongan air-air terjun di seluruh daerah Raub; dan
  - adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan kualiti penjagaan kebersihan dan kesihatan di lokasi air terjun dalam daerah Raub.
71. PR-1311-L53090  
**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Suruhanjaya Pilihanraya tidak diletakkan di bawah Parlimen bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya SPR lebih telus dan adil.

72. PR-1311-L53642  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang kelewatan kes-kes di mahkamah perusahaan serta memperbanyakkan hakim supaya dapat mempercepatkan proses perundangan diselesaikan.
73. PR-1311-L53750  
**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Kuala Krai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang akan diambil bagi memberi legitimasi kepada Kerajaan yang tidak mendapat sokongan majoriti rakyat Malaysia.
74. PR-1311-L53392  
**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status MRSM Dungun dan sejauh mana pengoperasian projek berkenaan telah dijalankan.
75. PR-1311-L54526  
**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan satu stesen minyak boleh dibina di Kawasan Bukit Naning memandangkan penduduk-penduduk kampung terpaksa memandu sejauh 24km untuk membeli minyak petrol.
76. PR-1311-L53520  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bila Kementerian berhasrat mengadakan pengasingan tugas fungsi klinik dan farmasi. Adakah Kementerian sedar pengasingan tugas ini akan membebankan golongan miskin.
77. PR-1311-L53692  
**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bilangan isi rumah yang masih berada di bawah garis kemiskinan nasional mengikut negeri di Malaysia dan apakah langkah-langkah terkini yang sedang dilaksanakan bagi mengeluarkan mereka daripada putaran garis kemiskinan.
78. PR-1311-L54483  
**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jumlah anggota yang ditugaskan mengintip / memantau aktiviti ahli politik Pakatan Rakyat, selepas tamatnya PRU-13, berbanding dengan jumlah terkini bilangan anggota yang ditugaskan mengumpulkan *intelligence* / maklumat bagi tujuan mencegah ancaman Pencerobohan Sulu di Sabah.
79. PR-1311-L54541  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bila Kerajaan Persekutuan akan menunaikan janji mengembalikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan selepas Konfrontasi Indonesia yang dijanjikan bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman terutama kini apabila Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang menuntut untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

80. PR-1311-L54420  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah unjuran defisit fiskal 4% dapat dicapai bagi Belanjawan 2013 apabila terdapat pengumuman-pengumuman perbelanjaan yang tidak direkod belanjawan seperti BR1M 3.0 yang dianggarkan mencecah RM7.2 bilion dan juga Projek MRT yang sehingga sekarang kosnya masih tiada peretujuan.
81. PR-1311-L53085  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kenapakah Kerajaan Persekutuan tidak membenarkan Kerajaan Negeri Kelantan menggunakan Kompleks Kebudayaan Negeri Kelantan yang terletak di atas Tanah Kerajaan Negeri di Tanjung Chat, Kota Bharu, sedangkan persefahaman awalnya kompleks tersebut adalah untuk "Guna Sama" bagi segala kegiatan kebudayaan sama ada oleh Kerajaan Persekutuan maupun Kerajaan Negeri.
82. PR-1311-L53376  
**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa pemasangan wifi di kampung-kampung tidak mencapai mutu yang memuaskan. Terlalu kerap rosak, terlalu lambat dan lingkungan kawasan perkhidmatan sangat terhad kerana alat pemancar yang tidak berkualiti.
83. PR-1311-L53302  
**Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak kementerian dapat memberi peruntukan untuk membina klinik kesihatan seperti di SK. Long Urun, Daerah Belaga Bahagian Kapit, di SK. Long Busang, Daerah Belaga Bahagian Kapit, di SK. Nanga Stapang, Sungai Gaat, Baleh Bahagian Kapit dan di SK. Nanga Tiau, Sungai Mujong, Baleh, Bahagian Kapit.
84. PR-1311-L53988  
**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kenapa pihak Kementerian enggan membawa kembali Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.
85. PR-1311-L53445  
**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sikap Kerajaan Persekutuan terhadap peranan SPR dalam soal menentukan daftar pengundi yang bersih.
86. PR-1311-L53918  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan Kerajaan menaiktaraf Jalan Persekutuan Pan-Borneo yang dicatatkan dalam manifesto Barisan Nasional pada Pilihanraya Umum ke-13, bila akan dilaksanakan dan jumlah peruntukan yang diluluskan serta adakah Kerajaan bercadang untuk membina jalan yang menyambungkan Sibu ke Kapit.

87. PR-1311-L53681  
**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembinaan Hospital Perubatan UiTM di UiTM Puncak Alam, Kuala Selangor serta perancangan UiTM Puncak Alam, Kuala Selangor pada masa hadapan.
88. PR-1311-L54898  
**Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat dasar atau program memberi tumpuan kepada perumahan untuk kakitangan Kerajaan Kumpulan Pelaksana (sokongan) Gred 40 ke bawah (Yang berjumlah lebih 800,000 orang) mendapat peluang membeli dan memiliki rumah dalam anggaran harga RM 120,000.00 ke bawah.
89. PR-1311-L54997  
**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa mereka yang menghina Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong tidak disiasat di bawah Kanun Keseksyen yang memperuntukan hukuman yang lebih berat memandangkan isu penghinaan ini adalah satu jenayah yang serius.
90. PR-1311-L54928  
**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [ Lumut ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah perlaksanaan Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) 1973 berhubung pengurniaan tanah kepada bekas tentera dilaksanakan sejak 1973.
91. PR-1311-L54944  
**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian mulakan perlaksanaan pembinaan Trunk Road Jalan Telipok-Kiulu-Pukak-Lokos-Rondogung Ranau yang diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri dalam lawatannya ke Ranau baru-baru ini.
92. PR-1311-L54973  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bahawa Hulu Perak semenjak merdeka hingga hari ini merupakan kubu Kerajaan. Bilakah Kompleks Sukan akan dibina di daerah kecil Gerik dengan kos RM7 juta walaupun telah diwar-warkan untuk pembinaan daripada dahulu lagi.
93. PR-1311-L54921  
**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah jangka panjang untuk membangunkan industri pelancongan di Sabah dan Sarawak, terutamanya bagi sektor berdasarkan semula jadi dan budaya.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ] dan masalah dicadangkan :-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

### **Menyambung semula Perbahasan atas masalah (3 Julai, 2013)**

- |    |               |   |                                   |
|----|---------------|---|-----------------------------------|
| 2. | (D.R. 1/2013) | Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2013 | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
|----|---------------|---|-----------------------------------|
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
- |    |               |   |   |
|----|---------------|---|---|
| 3. | (D.R. 3/2013) | Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 | “ |
|----|---------------|---|---|
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
- |    |               |  |   |
|----|---------------|--|---|
| 4. | (D.R. 2/2013) | Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 | “ |
|----|---------------|--|---|
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
- |    |                |  |  |
|----|----------------|--|--|
| 5. | PR-1311-U53624 |  |  |
|----|----------------|--|--|
- Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] akan mencadangkan:-**

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih.

Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dikhabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melepas tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon. Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bagi rakyat Sabah."

**(Menteri Dalam Negeri)**

6. PR-1311-U53641

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperoleh melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

**(Perdana Menteri)**

7. PR-1311-U53665

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, cina dan lain-lain bahasa."

**(Menteri Pendidikan)**

8. PR-1311-U53673

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

**(Perdana Menteri)**

9. PR-1311-U53606

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)".

Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

**(Perdana Menteri)**

10. PR-1311-U53671

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

**(Menteri Dalam Negeri)**

11. PR-1311-U53672

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

12. PR-1311-U53434

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

**(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)**

13. PR-1311-U54335

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

**(Perdana Menteri)**

14. PR-1311-U54336

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan perlaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesai serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia."

**(Menteri Pengangkutan)**

15. PR-1311-U54337

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

**(Menteri Pendidikan)**

16. PR-1311-U54338

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Perlaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

**(Menteri Kewangan)**

17. PR-1311-U54339

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbaur perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

**(Perdana Menteri)**

18. PR-1311-U54341

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan beban hidup rakyat dan membolehkan lebihan pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat.  
"

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)**

19. PR-1311-U53963

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya juga bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksloitasi."

**(Menteri Sumber Manusia)**

20. PR-1311-U53965

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

**(Menteri Wilayah Persekutuan)**

21. PR-1311-U54604

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

**(Menteri Dalam Negeri)**

22. PR-1311-U54605

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

**(Menteri Pendidikan)**

23. PR-1311-U55044

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengecam Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk artikel "Hijrah ke negara republik jika enggan terima sistem negara" di dalam Utusan Malaysia pada 16 Mei 2013, kerana bukan sahaja menunjukkan keangkuhan dan penghinaan terhadap pendapat umum tetapi juga untuk seorang Menteri menyuruh rakyat Malaysia yang tidak suka dengan sistem Pilihan raya negara keluar meninggalkan negara adalah bertentangan dengan dasar 1Malaysia Perdana Menteri dan matlamat beliau untuk menjadikan Malaysia "demokrasi terbaik dunia".

**(Menteri Dalam Negeri)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2013</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.11	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi Bagi Tahun 2011.	4 Julai 2013
ST.14	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Malaysia Bagi Tahun 2011.	4 Julai 2013
ST.17	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Bagi Tahun 2012.	4 Julai 2013